

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN DEMOGRAFI MALAYSIA, SUKU TAHUN PERTAMA 2025

BILANGAN KELAHIRAN MENURUN 11.5 PERATUS KEPADA 93,500, TERENDAH PERNAH DIREKODKAN

PUTRAJAYA, 14 MEI 2025 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Perangkaan Demografi yang memaparkan data kelahiran hidup, kematian dan penduduk bagi suku tahun pertama 2025.

Mengulas laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 11.5 peratus kepada 93,500 kelahiran berbanding 105,613 kelahiran pada suku tahun pertama 2024. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 48,124 kelahiran berbanding 45,376 kelahiran. Nisbah jantina bagi kelahiran hidup ialah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi dengan 18,254 kelahiran (19.5%) manakala kelahiran hidup terendah direkodkan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan 278 kelahiran (0.3%). Ibu berumur 30-39 tahun mencatatkan kelahiran hidup tertinggi dengan 49,816 kelahiran (53.3%), diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (39.3%), 40 tahun dan lebih (6.0%) dan kurang daripada 20 tahun (1.4%). Terdapat tiga kelahiran yang direkodkan oleh ibu berumur 55 tahun dan lebih. Secara purata, seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 43 bayi bagi setiap jam dan 1,039 bayi sehari pada suku tahun pertama 2025".

Dari segi etnik, Melayu menyumbang 68.8 peratus (64,326 kelahiran) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun pertama 2025 (ST1 2024: 67.5%).

Kelahiran hidup bagi Bumiputera Lain meningkat kepada 12.6 peratus berbanding 12.3 peratus pada suku tahun pertama 2024. Sementara itu, etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 8.6 peratus dan 3.8 peratus berbanding 9.6 peratus dan 4.2 peratus pada suku tahun pertama 2024. Bumiputera Lain terdiri daripada Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan Bumiputera Semenanjung Malaysia lain. Bumiputera Sabah menyumbang 58.8 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (34.5%), Bajau (30.4%), Murut (7.3%) dan Bumiputera Sabah lain (27.8%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak merekodkan 34.6 peratus yang terdiri daripada Iban (58.7%), Bidayuh (16.0%), Melanau (12.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (12.7%).

Mengulas lanjut, sebanyak 48,130 kematian telah direkodkan pada suku tahun pertama 2025, menurun 2.0 peratus berbanding suku tahun pertama 2024 (49,117 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 27,533 manakala 20,597 kematian bagi perempuan. Nisbah jantina bagi kematian ialah 134 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi dengan 7,710 kematian (16.0%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan bilangan kematian terendah dengan 84 kematian (0.2%). Penduduk berumur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi dengan 34,468 kematian (71.6%), diikuti 41-59 tahun (19.6%), 15-40 tahun (6.8%) dan 0-14 tahun (1.9%). Terdapat 5.5 peratus kematian bagi penduduk berumur 90 tahun dan lebih. Secara purata, satu kematian direkodkan pada setiap dua minit, manakala 22 kematian direkodkan setiap jam dan 535 kematian sehari pada suku tahun pertama 2025.

Dari segi etnik, Melayu menyumbang 51.7 peratus (24,865 kematian) daripada jumlah kematian (ST1 2024: 51.3%). Kematian bagi Bumiputera Lain meningkat kepada 10.7 peratus berbanding 10.5 peratus pada suku tahun pertama 2024. Sementara itu, etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 26.8 peratus dan 8.4 peratus berbanding 26.9 peratus dan 8.6 peratus pada suku tahun pertama 2024. Bumiputera Sabah menyumbang 51.5 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (38.4%), Bajau (26.2%), Murut (6.7%) dan Bumiputera Sabah lain (28.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak merekodkan 42.2 peratus yang terdiri daripada Iban (61.5%), Bidayuh (16.5%), Melanau (11.9%) dan Bumiputera Sarawak lain (10.1%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan, "Seiring dengan penurunan kelahiran pada suku tahun pertama 2025, penduduk Malaysia dianggarkan 34.2 juta berbanding 33.9 juta pada suku tahun pertama 2024 dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dengan 0.9 peratus berbanding 2.0 peratus (ST1 2024). Jumlah penduduk terdiri daripada 30.8 juta (90.1%) Warganegara dan 3.4 juta (9.9%) Bukan Warganegara. Penduduk lelaki meningkat kepada 17.9 juta daripada 17.8 juta pada suku tahun pertama 2024 dan penduduk wanita meningkat kepada 16.2 juta daripada 16.1 juta dalam tempoh yang sama. Nisbah jantina keseluruhan penduduk ialah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan manakala nisbah jantina bagi Warganegara ialah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Komposisi penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat daripada 7.6 peratus kepada 7.7 peratus pada suku tahun pertama 2025. Sementara itu, penduduk umur muda (0-14 tahun) merekodkan penurunan daripada 22.3 peratus kepada 22.2 peratus. Penduduk umur bekerja (15-64 tahun) kekal pada 70.1 peratus bagi tempoh yang sama."

Melayu menyumbang 58.1 peratus daripada jumlah penduduk pada suku tahun pertama 2025 (ST1 2024: 58.0%). Penduduk etnik India menurun kepada 6.5 peratus berbanding 6.6 peratus, sementara Bumiputera Lain dan etnik Cina kekal tidak berubah iaitu masing-masing dengan 12.3 peratus dan 22.4 peratus pada tempoh yang sama. Bumiputera Sabah menyumbang 56.6 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) dan Bumiputera Sabah lain (36.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (32.4%) terdiri daripada Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (13.2%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menjelaskan, dunia ketika ini menyaksikan trend penurunan global dalam kadar kelahiran dan kadar kesuburan jumlah (TFR), di mana semakin banyak negara mencatatkan TFR di bawah paras penggantian iaitu 2.1 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun. Fenomena ini menimbulkan cabaran besar kepada struktur demografi, pertumbuhan ekonomi dan keseimbangan sosial di peringkat global dan negara.

Beberapa negara seperti Republic of Korea, Japan, Singapore, Thailand, China dan Russia telah mengalami penurunan TFR di bawah aras penggantian, yang membawa

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 14 Mei 2025

kepada kebimbangan mengenai penuaan penduduk, penurunan penduduk dan tenaga kerja. Pelbagai dasar berkaitan kependudukan, kesuburan dan sokongan keluarga telah diperkenalkan bagi menangani isu ini. Republic of Korea telah melanjutkan tempoh cuti bersalin kepada tiga bulan, menawarkan cuti penjagaan anak bergaji sehingga setahun, insentif kewangan dan potongan cukai bagi menggalakkan kelahiran. Selain itu, Thailand juga telah melaksanakan insentif dengan meningkatkan pengecualian cukai untuk keluarga yang mempunyai dua atau lebih anak.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian (bilangan dan kadar) mengikut suku tahun, 2019-2025^p, Malaysia




Jadual 1: Statistik Demografi bagi suku tahun pertama, 2024 dan 2025, Malaysia

Tahun	Jumlah		Lelaki		Perempuan	
	ST1 2024	ST1 2025	ST1 2024	ST1 2025	ST1 2024	ST1 2025
Penduduk (juta)	33.9	34.2	17.8	17.9	16.1	16.2
Kelahiran hidup	105,613	93,500	54,442	48,124	51,171	45,376
Kematian	49,117	48,130	28,081	27,533	21,036	20,597


Carta 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun pertama 2024 dan 2025, Malaysia




Carta 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun pertama 2024 dan 2025, Malaysia



Carta 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun pertama 2024 dan 2025, Malaysia



Carta 5: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 MEI 2025**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA, FIRST QUARTER 2025

LIVE BIRTHS DECREASED 11.5 PER CENT TO 93,500, LOWEST EVER RECORDED

PUTRAJAYA, 14th MAY 2025 - Department of Statistics, Malaysia has released the report on Demographic Statistics that presents statistics of live births, deaths and population in the first quarter 2025.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The number of live births recorded a decrease of 11.5 per cent to 93,500 births as compared to 105,613 births in the first quarter 2024. Male babies outnumbered female babies with 48,124 births as compared to 45,376 births. Sex ratio of live births was 106 males per 100 females. Selangor recorded the highest live births with 18,254 births (19.5%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest with 278 births (0.3%). Mothers aged 30-39 years recorded the highest live births with 49,816 births (53.3%), followed by mothers aged 20-29 years (39.3%), 40 years and over (6.0%) and less than 20 years (1.4%). There were three births by mothers aged 55 years and over. On average, one baby was born per minute, 43 babies per hour and 1,039 babies per day in the first quarter 2025".

In term of ethnicity, Malay contributed 68.8 per cent (64,326 births) of the total live births in the first quarter 2025 (Q1 2024: 67.5%). Live births for Other Bumiputera increased to

12.6 per cent as compared to 12.3 per cent in the first quarter 2024. Meanwhile, Chinese and Indians decreased to 8.6 per cent and 3.8 per cent as compared to 9.6 per cent and 4.2 per cent in the first quarter 2024, respectively. Other Bumiputera consists of Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak and other Bumiputera Peninsular Malaysia. Bumiputera Sabah contributed 58.8 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (34.5%), Bajau (30.4%), Murut (7.3%) and other Sabah Bumiputera (27.8%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak recorded 34.6 per cent which comprised Iban (58.7%), Bidayuh (16.0%), Melanau (12.6%) and other Sarawak Bumiputera (12.7%).

Commenting further, a total of 48,130 deaths were recorded in the first quarter 2025, decreased 2.0 per cent as compared to the first quarter 2024 (49,117 deaths). The number of deaths recorded for males were 27,533, while 20,597 deaths for females. Sex ratio of deaths was 134 males per 100 females. Selangor recorded the highest number of deaths with 7,710 deaths (16.0%), while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 84 deaths (0.2%). Population aged 60 years and over recorded the highest number of deaths with 34,468 deaths (71.6%), followed by 41-59 years (19.6%), 15-40 years (6.8%) and 0-14 years (1.9%). There were 5.5 per cent deaths for population aged 90 years and over. On average, one death was recorded in two minutes, 22 deaths per hour and 535 deaths per day in the first quarter 2025.

In term of ethnicity, Malay registered 51.7 per cent (24,865 deaths) of total number of deaths (Q1 2024: 51.3%). Deaths for Other Bumiputera increased to 10.7 per cent as compared to 10.5 per cent in the first quarter 2024. Meanwhile, Chinese and Indians decreased to 26.8 per cent and 8.4 per cent as compared 26.9 per cent and 8.6 per cent in the first quarter 2024, respectively. Bumiputera Sabah contributed 51.5 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (38.4%), Bajau (26.2%), Murut (6.7%) and other Sabah Bumiputera (28.7%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak recorded 42.2 per cent which comprised Iban (61.5%), Bidayuh (16.5%), Melanau (11.9%) and other Sarawak Bumiputera (10.1%).

In addition, Chief Statistician Malaysia also commented that, "In tandem with the decrease in the number of live births in the first quarter 2025, Malaysia's total population was estimated at 34.2 million as compared to 33.9 million in the first quarter 2024 with a slower growth of 0.9 per cent as compared to 2.0 per cent (Q1 2024). The total population comprised 30.8 million (90.1%) Citizens and 3.4 million (9.9%) Non-citizens. Males population increased to 17.9 million from 17.8 million in the first quarter 2024 and females rose to 16.2 million from 16.1 million in the same period. The overall sex ratio of population was 111 males per 100 females while sex ratio for Citizens was 103 males per 100 females. The composition of old population (65 years and over) increased from 7.6 per cent to 7.7 per cent in the first quarter 2025. Meanwhile, young age population (0-14 years) recorded a decrease from 22.3 per cent to 22.2 per cent. The working age population (15-64 years) remained unchanged at 70.1 per cent during the same period."

Malay accounted 58.1 per cent of the population in the first quarter 2025 (Q1 2024: 58.0%). Indians decreased to 6.5 per cent as compared to 6.6 per cent, while Other Bumiputera and Chinese remained unchanged at 12.3 per cent and 22.4 per cent in the same period, respectively. Bumiputera Sabah contributed 56.6 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) and other Sabah Bumiputera (36.7%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (32.4%) comprised Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) and other Sarawak Bumiputera (13.2%).

The Chief Statistician of Malaysia added that birth rates and total fertility rate (TFR) have been declining globally in recent years, with more countries reporting TFRs below replacement level, which is 2.1 children per woman between the ages of 15-49 years. This phenomenon poses major challenges to demographic structure, economic growth and social balance at the global and national levels.

Several countries such as Republic of Korea, Japan, Singapore, Thailand, China and Russia have experienced a decline in TFR below replacement level, leading to concerns about population ageing, population decline and workforce. Various policies related to population, fertility and family support have been introduced to address this issue.

Republic of Korea has extended the duration of maternity leave to three months, offered paid childcare leave for up to a year, and provided financial incentives and tax deductions. These measures have begun to show positive effects in efforts to boost the country's birth rate. In addition, Thailand also increased tax exemptions for families with two or more children to encourage higher birth rates.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2019-2025^p, Malaysia




Table 1: Demographic statistics for first quarter, 2024 and 2025, Malaysia

Year	Total		Male		Female	
	Q1 2024	Q1 2025	Q1 2024	Q1 2025	Q1 2024	Q1 2025
Population (million)	33.9	34.2	17.8	17.9	16.1	16.2
Live births	105,613	93,500	54,442	48,124	51,171	45,376
Deaths	49,117	48,130	28,081	27,533	21,036	20,597

Chart 2: Citizens by ethnic group, first quarter 2024 and 2025, Malaysia




Chart 3: Live births by ethnic group, first quarter 2024 and 2025, Malaysia




Chart 4: Deaths by ethnic group, first quarter 2024 and 2025, Malaysia





Chart 5: Demographic transition, Malaysia, 1911-2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
14th MAY 2025